

# PM rasmi pameran enam abad kesenian Islam China

UM 29 Jul 2001  
KUALA LUMPUR 28 Julai  
— Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini merasmikan pameran Enam Abad Kesenian Islam Di China yang memamerkan artifak daripada kebudayaan masyarakat Cina Islam koleksi abad ke-14 hingga abad ke-20.

Pameran tersebut yang berlangsung selama tiga bulan bermula hari ini, bertujuan mengimbuu kembali kedatangan Islam ke China dan meninjau pengaruh agama Islam serta kepelbagaian budaya di tanah besar China.

Perdana Menteri dalam ucapannya berkata, pameran yang mengumpulkan pelbagai artifak dari negeri China itu adalah sesuatu yang dialu-alukan kerana ia membolehkan orang ramai melihat sendiri kesenian Islam di negara tersebut.

“Pameran seperti ini akan dapat meningkatkan lagi pengetahuan kita mengenai agama Islam khususnya tentang perkembangan Islam di China,” katanya pada majlis perasmian pameran itu yang diadakan di Muzium Kesenian Islam di sini.

Dr. Mahathir berkata, melalui pameran itu juga orang ramai dapat memahami perkembangan Islam di China dengan lebih mendalam.

Kerjasama yang terjalin dalam menjayakan pameran tersebut, jelas beliau, diharapkan dapat mengeratkan lagi hubungan antara Malaysia-China.

Katanya lagi, banyak yang boleh dipelajari daripada hasil kesenian yang dibawa dari negara China itu termasuk mengenai skil kerja tangan kaum Cina seperti skil membuat kertas.

Pameran yang akan berakhir pada 28 Oktober itu dianjurkan dengan kerjasama Muzium Istana Kebudayaan Kebangsaan di Beijing, China dan Universiti Minoriti Barat Laut, Lanzau.

Di antara artifak yang dipamerkan adalah koleksi pakaian dan tekstil, alat-alat muzik, dokumen bersejarah dan peralatan yang digunakan oleh pelbagai etnik Cina Islam.

Selain itu, orang ramai juga dapat melihat teknik dekorasi yang menarik di samping maksud yang tersirat di sebalik hiasan dan corak tersebut.